



POLISI

PEROLEHAN

HIJAU 2020 (PINDAAN 2025)



Universiti Sains Malaysia

POLISI PEROLEHAN HIJAU 2020

(PINDAAN 2025)

SEKSYEN A – TUJUAN

Polisi ini bertujuan untuk memastikan bahawa semua aktiviti perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja di Universiti Sains Malaysia (USM) dilaksanakan secara beretika, lestari, bertanggungjawab dan telus, dengan memberi penekanan kepada:

1. Pemeliharaan alam sekitar melalui amalan perolehan hijau dan penggunaan sumber yang lestari.
2. Pemeliharaan hak asasi manusia, amalan pekerjaan yang adil dan selamat, serta integriti dalam rantai bekalan.
3. Pengurangan penggunaan bahan pakai buang dan galakan terhadap pendekatan ekonomi kitaran dalam perolehan dan penyampaian perkhidmatan.
4. Tanggungjawab bersama semua pihak dalam rantai bekalan termasuk pembekal, subkontraktor dan rakan niaga untuk mematuhi prinsip kelestarian dan etika.

SEKSYEN B – SKOP

Polisi ini terpakai kepada semua aktiviti perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang dijalankan oleh USM di semua Kampus, Jabatan dan Pusat Pengajian. Ia juga meliputi perkhidmatan yang menggunakan khidmat luar atau sumber luar dan keseluruhan rantai bekalan, termasuk pembekal utama, subkontraktor dan penyedia perkhidmatan pihak ketiga. Polisi ini turut terpakai kepada perkhidmatan yang dikontrakkan di dalam Kampus seperti katering dan kantin, pembersihan, keselamatan, penyenggaraan landskap dan lain-lain perkhidmatan sokongan.

SEKSYEN C – TANGGUNGJAWAB PEGAWAI DAN PIHAK BERKEPENTINGAN

1. Semua pegawai yang terlibat dalam urusan perolehan bertanggungjawab di semua Kampus, Jabatan dan Pusat Pengajian memastikan pelaksanaan polisi ini selaras dengan dasar kewangan dan peraturan semasa universiti.
2. Pembekal, kontraktor, dan penyedia perkhidmatan bertanggungjawab mematuhi prinsip-prinsip dalam polisi ini dan memastikan pematuhan tersebut dilanjutkan kepada rakan niaga dan subkontraktor mereka.
3. Bahagian perolehan dan jabatan berkaitan hendaklah menjalankan pemantauan, penilaian dan penguatkuasaan bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan polisi ini.

SEKSYEN D – KENYATAAN POLISI

Universiti Sains Malaysia komited untuk melaksanakan perolehan yang:

1. Mendapatkan nilai terbaik untuk wang sambil meminimumkan impak negatif terhadap alam sekitar dan masyarakat.
2. Menyokong amalan perniagaan yang beretika, telus dan bertanggungjawab.
3. Menggalakkan penggunaan bahan lestari dan mengurangkan bahan pakai buang.
4. Memastikan hak asasi manusia dihormati, keadaan kerja yang selamat dikekalkan dan undang-undang buruh dipatuhi.
5. Memastikan rantai bekalan beroperasi secara bertanggungjawab dari segi sosial dan alam sekitar.

SEKSYEN E – GARIS PANDUAN PEROLEHAN HIJAU USM

Bahagian 1 – Definisi

Produk Lestari dan Etika ialah produk, perkhidmatan atau kerja yang dihasilkan, dibekalkan dan digunakan dengan meminimumkan kesan terhadap alam sekitar, menghormati hak asasi manusia serta mengamalkan pekerjaan yang adil dan selamat, menolak rasuah, sogokan dan konflik kepentingan melalui tadbir urus yang telus dan berintegriti, mengutamakan keadilan sosial serta peluang ekonomi inklusif, dan menyokong pengurangan bahan pakai buang serta tanggungjawab rantai bekalan secara menyeluruh.

Bahagian 2 – Faedah

1. Mengurangkan pengeluaran gas karbon dioksida dan pencemaran udara.
2. Mengurangkan pencemaran air.
3. Meminimumkan pembaziran sumber alam sekitar.
4. Mengawal pembuangan bahan toksik.
5. Meningkatkan penggunaan bahan kitar semula.
6. Menjamin penghormatan terhadap hak asasi manusia.
7. Memastikan amalan pekerjaan yang adil, selamat dan tanpa diskriminasi.
8. Menghapuskan buruh paksa dan buruh kanak-kanak.
9. Menyokong pembangunan komuniti tempatan dan peluang ekonomi inklusif.

Bahagian 3 – Pelaksanaan

1. Merancang perolehan dengan mengambil kira kesan terhadap alam sekitar, masyarakat dan ekonomi sepanjang kitaran hayat produk atau perkhidmatan.
2. Memastikan penggunaan, penyelenggaraan dan pelupusan mematuhi piawaian keselamatan alam sekitar, kesihatan, hak asasi manusia dan undang-undang yang berkaitan.

3. Mengutamakan pembekal serta produk dan perkhidmatan yang diperakui berasaskan amalan lestari, etika, dan integriti perniagaan, selaras dengan strategi khusus pengurangan bahan pakai buang seperti yang diperincikan dalam Bahagian 4.
4. Berurusan dengan pembekal dan penyedia perkhidmatan yang mematuhi prinsip kelestarian dan etika serta memastikan pelaksanaannya diperluas ke seluruh rantai bekalan.

Bahagian 4 – Pengurangan Bahan Pakai Buang dan Perkhidmatan Sumber Luar (*Outsource*)

1. USM komited untuk mengurangkan penggunaan bahan pakai buang melalui pendekatan menyeluruh yang merangkumi semua perolehan, perkhidmatan *outsource* dan rantai bekalan.
2. Mengurangkan penggunaan bahan pakai buang dalam semua proses perolehan dan penyampaian perkhidmatan, serta menggantikannya dengan bahan boleh guna semula, boleh dikitar semula atau boleh kompos.
3. Memastikan penyedia perkhidmatan yang dioutsource-kan seperti katering, pembersihan, penyelenggaraan dan acara mengemukakan pelan pengurangan bahan pakai buang sebagai sebahagian daripada kontrak.
4. Menggalakkan pelaksanaan sistem “*take-back*” (pengambilan semula produk atau bahan selepas digunakan untuk tujuan guna semula, kitar semula atau pelupusan bertanggungjawab), dan pendekatan ekonomi kitaran dalam pengurusan produk dan perkhidmatan.
5. Memastikan tanggungjawab terhadap pengurangan bahan pakai buang dilanjutkan kepada subkontraktor dan seluruh rantai bekalan.

SEKSYEN F – PEMANTAUAN, PELAPORAN DAN PEMATUHAN

1. USM akan menyemak semula dasar ini secara berkala bagi memastikan ia selaras dengan piawaian kelestarian dan etika semasa serta keperluan perundangan yang berkaitan.
2. Semua pembekal dan penyedia perkhidmatan tertakluk kepada audit pematuhan berkala oleh pihak universiti.
3. Pembekal perlu memberikan maklumat atau dokumen sokongan berkaitan langkah-langkah kelestarian, pematuhan etika, dan pengurangan bahan pakai buang apabila diminta oleh pihak universiti bagi tujuan pemantauan dan penilaian pematuhan.
4. USM berhak menamatkan kontrak atau mengambil tindakan lain yang sewajarnya jika mana-mana pihak didapati melanggar prinsip atau peruntukan dalam polisi ini.
5. Penilaian prestasi pembekal akan mengambil kira aspek pematuhan terhadap polisi ini sebagai kriteria utama dalam pembaharuan kontrak masa hadapan.

PIHAK BERKUASA

Penjaga Polisi	Jabatan Bendahari
Pegawai Polisi Bertanggungjawab	Dr. Rafizal Bin Abd Rahim Bendahari Universiti Sains Malaysia rafizal@usm.my
Disahkan oleh	Majlis Kelestarian Universiti
Dibangunkan pada / Dipinda pada	14 Disember 2020 31 Oktober 2025
Tarikh Berkuatkuasa	22 Disember 2025
Maklumat lanjut berkaitan dasar sila hubungi	Dr. Rafizal Bin Abd Rahim Bendahari Universiti Sains Malaysia rafizal@usm.my



UHM

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA



**POLISI PEROLEHAN HIJAU
2020
(PINDAAN 2025)**